

Pertandingan Mutiara Kata

Sila Pilih **5 Mutiara Kata** daripada senarai yang berikut:

BAHASA MELAYU (SET A)

- “Yang paling besar di bumi ini bukan gunung dan lautan, melainkan hawa nafsu, yang jika gagal dikendalikan maka kita akan menjadi penghuni neraka.” (*Imam Al Ghazali*)
- “Ilmu sedikit yang sentiasa diamalkan lebih baik daripada ilmu banyak tetapi tidak pernah diamalkan.” (*Ustaz Haron Din*)
- “Puncak dari kesabaran adalah saat kau memilih diam, padahal di hatimu ada luka yang sedang berbicara. Dan puncak dari kekuatan adalah ketika kau memilih tersenyum, padahal di matamu ada air mata yang terbendung.” (*Kata-Kata Mutiara Hati*)
- “Jangan tertipu dengan usia muda kerana syarat mati tidak harus menjadi tua. Jangan tertipu dengan tubuh sihat kerana syarat mati tidak mesti lantaran sakit.” (*Kata Mutiara Kalbu*)
- “Hiduplah kamu bersama manusia sebagaimana pohon yang berbuah, mereka melemparinya dengan batu, tetapi ia membalsasnya dengan buah.” (*Abu Hamid Al-Ghazali*)
- “Keluhuran budi pekerti seseorang akan terlihat pada ucapan dan tindakan orang itu sendiri.” (*Rasulullah s.a.w*)
- “Bila pergi membawa bekal, bila mati membawa amal.” (*hargakata.com*)
- “Beri aku seribu orang tua, nescaya akan ku cabut semeru dari akarnya. Beri aku sepuluh pemuda nescaya akan kugoncangkan dunia.” (*Soekarno*)
- “Kerendahan seseorang diketahui melalui dua hal; banyak berbicara tentang hal-hal yang tidak berguna, dan bercerita padahal tidak ditanya.” (*Plato*)
- “Tangan yang menghayun buaian adalah tangan yang memerintah dunia.” (*William Ross Wallace*)

(William Ross Wallace)

BAHASA INGGERIS (SET B)

- “Choose well your words. They will go marching down the years in the lives you touch.” (*Nirmala Prathap*)
- “Life is not to be absorbed through the experienced of others; instead, it is to be grasped by you with the strength of thousand lions.” (*Theodore W. Higginsworth*)
- “I can never find the thing that does the job best until I find the ones that don’t.” (*Thomas A. Edison*)
- “Beauty is unbearable, drives us to despair, offering us for a minute the glimpse of an eternity that we should like to stretch out over the whole of time.” (*Albert Camus*)
- “Determine what motivates you and you can find your path to love, happiness and influence and that which you seek to make your life complete.” (*Louis Howard*)
- “Our greatest weakness lies in giving up. The most certain way to succeed is always to try just one more time.” (*Thomas A. Edison*)
- “The first step toward success is taken when you refuse to be a captive of the environment in which you first find yourself.” (*Mark Caine*)
- “When it is obvious that the goals cannot be reached, don't adjust the goals, adjust the action steps.” (*Confucius*)
- “My mission in life is not merely to survive, but to thrive; and to do so with some passion, some compassion, some humor, and some style.” (*Maya Angelou*)
- “Change is the law of life. And those who look only to the past or present are certain to miss the future.” (*John F. Kennedy*)

Peraduan Menterjemah Mutiara Kata

Sempena Sambutan Bulan Bahasa 2020

PENGENALAN

Peraduan ini merupakan kesinambungan daripada Bengkel Penterjemahan: Menterjemah Mutiara Kata yang dilaksanakan sempena Pesta Buku Brunei 2020. Peraduan penterjemahan kali ini disasarkan untuk para pelajar dan belia di negara ini. Bagi mencetuskan minat mereka terhadap dunia penterjemahan, maka fokus peraduan kali ini ialah mutiara kata dalam bahasa Melayu yang perlu diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dan mutiara kata dalam bahasa Inggeris yang perlu diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Sebanyak dua set senarai mutiara kata disediakan oleh pihak penganjur (Set A mutiara kata bahasa Melayu, Set B mutiara kata bahasa Inggeris). Setiap set mengandungi 10 mutiara kata. Peserta hanya perlu memilih 10 mutiara kata, iaitu 5 daripada Set A dan 5 daripada Set B. Pada dasarnya, menterjemah mutiara kata perlu menerapkan salah satu daripada pendekatan tidak langsung penterjemahan, iaitu komunikatif, dinamik, bebas atau idiomatik. Lazimnya, mutiara kata mempunyai makna yang tersirat, dan padat dengan makna.

OBJEKTIF PERTANDINGAN

- ❖ Menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa 2020;
- ❖ Memberikan pendedahan kepada para pelajar dan golongan belia tentang bidang penterjemahan;
- ❖ Memupuk minat para pelajar dan belia supaya bersiap sedia meneroka pelbagai bidang ilmu menerusi penterjemahan kerana kebanyakan sumber ilmu adalah dalam bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris;
- ❖ Mencetuskan sifat ingin tahu yang positif dalam diri pelajar dan belia, yang secara tidak langsung boleh mendorong mereka untuk melazimkan budaya belajar sepanjang hayat;
- ❖ Memupuk budaya membaca dan mengongsikan pengetahuan yang diraih dengan masyarakat melalui penterjemahan; dan
- ❖ Melahirkan lebih ramai pelapis penterjemah negara.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- ❖ Dibukakan kepada para pelajar dan belia yang berumur antara **13 hingga 20 tahun** bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sebelum tarikh tutup penyertaan.
- ❖ Borang penyertaan dan teks sumber disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ❖ Setiap peserta dibenarkan menghantar **satu penyertaan sahaja**.
- ❖ Semua penterjemahan hendaklah asli.
- ❖ Setiap peserta dikehendaki memilih **10 mutiara kata sahaja, 5 mutiara kata daripada Set A, iaitu bahasa Melayu diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dan 5 mutiara kata daripada Set B, iaitu bahasa Inggeris diterjemahkan dalam bahasa Melayu**.
- ❖ Terjemahan hendaklah ditaip jarak langkau **1.5 baris** pada **sebelah muka surat kertas berukuran A4 sahaja** dengan menggunakan **fon Times New Roman** dengan **poin 12**.
- ❖ Teks terjemahan mestilah dihantar dalam **4 salinan termasuk salinan asal**.
- ❖ Terjemahan yang dihantar untuk peraduan ini tidak dibenarkan untuk dicetak sebelum ataupun selepas keputusan peraduan diumumkan.
- ❖ Hak cipta terhadap semua karya yang dikirimkan ialah milik penulis akan tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai hak pertama untuk menerbitkannya dalam apa jua bentuk penerbitan.
- ❖ Urus Setia Peraduan tidak bertanggungjawab atas kehilangan ataupun kerosakan teks terjemahan semasa dalam pengiriman.
- ❖ Pihak pengajur berhak membuat keputusan jika terdapat perkara-perkara yang berbangkit.
- ❖ Pihak pengajur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang dakwaan atau tuntutan undang-undang (hak cipta ataupun harta intelek) terhadap terjemahan yang dihantar daripada orang perseorangan mahupun pihak guaman dari dalam ataupun luar negeri sebelum dan setelah terjemahan yang diperadukan dicetak.

❖ Nama penulis dan nama pena (jika ada), nombor kad pengenalan dan alamat penuh tidak boleh ditaip dalam kertas penyertaan tetapi hendaklah ditulis dalam Borang Peraduan.

❖ Borang yang lengkap diisi, dan teks terjemahan yang siap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4 yang bertutup rapat dan dihantar kepada:

Urus Setia

Peraduan Menterjemah Mutiara Kata

Unit Penterjemahan

Tingkat 3, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka

Jalan Pembangunan

Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510

Negara Brunei Darussalam

❖ Tarikh tutup menghantar penyertaan pada **hari Sabtu, 21 Syawal 1441/13 Jun 2020 pukul 4.00 petang**.

❖ Majlis penyampaian hadiah akan dilaksanakan semasa sambutan Bulan Bahasa 2020 (tarikh akan dimaklumkan kemudian).

HADIAH DAN CENDERAMATA

Juara	\$300.00
Naib juara	\$200.00
Tempat ketiga	\$100.00
Sagu hati	\$75.00 x 3 orang





Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada:

**Urus Setia
Peraduan Menterjemah Mutiara Kata
Unit Penterjemahan
Tingkat 3, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

No. Telefon: **2382511** sambungan **130, 133** dan **134**

Sukacita bersama ini disertakan teks terjemahan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebanyak 4 salinan.

Nama penuh:.....

Nama pena (jika ada):.....

No. Kad pengenalan dan warna:.....
(Salinan disertakan)

Nama institusi pendidikan (jika berkenaan):.....

Alamat persuratan:.....

..... Poskod:.....

No.Telefon:..... (Rumah)..... (Bimbitt)

E-mel:.....

Saya mengaku mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur, dan berjanji bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang dakwaan atau tuntutan undang-undang terhadap terjemahan yang dihasilkan. Saya menghormati keputusan panel hakim peraduan sebagai keputusan yang muktamad.

Tandatangan:..... Tarikh:.....



فَرَادْوَانْ مِنْتَرْ جَمَهُورِيَّاتِ
سَمْقَنَا سَمْبُوتْ بُولْنْ بَهَاسْ ٢٠٢٠

**Peraduan Menterjemah
Mutiara Kata**
Sempena Sambutan Bulan Bahasa

2020

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
Sabtu, 21 Syawal 1441 • 13 Jun 2020

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Urus Setia
Peraduan Menterjemah Mutiara Kata
Unit Penterjemahan
Tingkat 3

Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

No. Telefon: 2382511 sambungan 130, 133 dan 134
E-mel: penterjemahan.dbp@gmail.com